

Pemberian Elaun Khas Bagi Jawatan Pembantu Setiausaha Pejabat / Setiausaha Pejabat adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut :

1. Markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan semasa melebihi 85%. Pembantu Setiausaha Pejabat / Setiausaha Pejabat yang tidak memperolehi markah melebihi 85% adalah tidak layak menerima elaun pada tahun hadapan sehingga keputusan penilaian baru diperakukan melebihi 85%.
2. Tindakan tatatertib;
 - (i) Bebas daripada tindakan tatatertib.
 - (ii) Pembantu Setiausaha Pejabat / Setiausaha Pejabat yang dikeluarkan pertuduhan untuk tindakan tatatertib akan dihentikan pembayaran elaun sehingga keputusan dikeluarkan. Pembayaran semula akan dibuat sekiranya pegawai didapati tidak bersalah.
 - (iii) Pembantu Setiausaha Pejabat / Setiausaha Pejabat yang dikenakan hukuman tatatertib tidak layak dibayar elaun untuk tempoh seperti berikut

Bil.	Jenis Hukuman	Tempoh
a.	Amaran	6 bulan
b.	Denda	12 bulan
c.	Lucut Hak Emolumen	18 bulan
d.	Tanggung Pergerakan Gaji	30 bulan
e.	Turun Gaji	36 bulan
f.	Turun Pangkat	48 bulan

3. Sekiranya pegawai penyelia menyandang lebih dari satu jawatan giliran dalam satu masa, elaun akan dibayar pada satu kadar sahaja mengikut mana yang tertinggi.

Lampiran

4. Pembayaran elaun khas bagi jawatan Pembantu Setiausaha Pejabat / Setiausaha Pejabat hendaklah dihentikan apabila Pembantu Setiausaha Pejabat / Setiausaha Pejabat berada dalam keadaan-keadaan berikut:
- (i) Cuti Tanpa Gaji (termasuk Cuti Belajar Tanpa Gaji);
 - (ii) Cuti Separuh Gaji (termasuk Cuti Belajar Separuh Gaji);
 - (iii) Cuti Belajar Bergaji Penuh melebihi 92 hari;
 - (iv) Cuti Rehat melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
 - (v) Cuti selain daripada Cuti Rehat yang melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
 - (vi) Kombinasi mana-mana jenis cuti yang melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dan hari-hari tidak hadir bekerja; atau
 - (vii) Menjalankan tugas rasmi selain daripada tugas hakiki atas arahan Ketua PTj yang melebihi 92 hari.